



## **PENGUMUMAN**

### **PENANGGUHAN KEMASUKAN PELAJAR FASA 2 KE KAMPUS UNTUK PROSES PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN SECARA BERSEMUKA (KOMPONEN PRAKTIKAL) BAGI SESI DISEMBER 2020**

Merujuk kepada kenyataan media Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak Bilangan 147/2021 bertarikh 27 Mei 2021 berkaitan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh Sarawak dan pengumuman rasmi Politeknik Kuching Sarawak (PKS) bertarikh 18 Mei 2021 berkaitan tarikh baru kemasukan pelajar Fasa 2 ke kampus untuk proses Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) secara bersemuka (komponen praktikal) bagi Sesi Disember 2020, adalah dimaklumkan bahawa kemasukan pelajar **Fasa 2** ke kampus untuk proses PdP **secara bersemuka (komponen praktikal)** yang dijadualkan pada **5 Jun 2021** dan **6 Jun 2021** adalah **ditangguhkan** ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian. Walau bagaimanapun sesi PdP akan diteruskan secara dalam talian.

Pengumuman ini **adalah tertakluk kepada perubahan terkini yang akan dimaklumkan dari semasa ke semasa dalam portal dan media rasmi PKS**. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi Ketua Jabatan Akademik atau Penasihat Akademik (PA) masing-masing untuk keterangan lanjut.

Pengarah  
Politeknik Kuching Sarawak  
28 Mei 2021